



**MAJLIS TINDAKAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

**MAJLIS KEMAKMURAN BUMIPUTERA DITUBUHKAN,  
TERAJU DIPERKASA**

Kerajaan akan mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) yang bertujuan menjadi platform tertinggi dalam usaha memperkasa pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera dan akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Perkara ini diputuskan dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) bil 15/2020 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, hari ini.

Pewujudan MKB ini adalah sebahagian daripada kerangka intervensi strategik untuk memandu dan mempercepat pemerkasaan ekonomi Bumiputera melalui usaha-usaha peningkatan kapasiti dan keupayaan merentas pelbagai program, selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang mendukung tiga objektif utama iaitu pembangunan untuk semua; menangani jurang kekayaan dan pendapatan; serta membina negara bersatu, makmur dan bermaruah.

Mesyuarat pada hari ini juga bersetuju untuk memperkukuhkan peranan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dalam dua aspek utama iaitu ;

- i. menjadi badan koordinasi di peringkat tertinggi dengan mewujudkan jalinan dan rangkaian bersepadu serta komprehensif bersama kesemua pemegang taruh merentasi pelbagai sektor bagi memantau pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera
- ii. memperkemas dan menambahbaik pengkalan data berpusat

Bumiputera bagi mengumpul maklumat terkini, lengkap dan berkualiti bagi perancangan dasar dan intervensi strategik

TERAJU yang ditubuhkan pada tahun 2011 di bawah Jabatan Perdana Menteri adalah unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan agenda pembangunan Bumiputera sejajar dengan WKB 2030.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**14 Julai 2020**